

ORANG MELAYU

Masalah Dan Masa Depan

Oleh: Syed Husin Ali



9. Kesimpulan

Buku ini cuba menghurai dan menganalisis perubahan serta masalah penting berhubung orang Melayu di Malaysia. Orang Melayu sebagai sebuah kumpulan etnik ditakrifkan atas asas kedua-dua faktor undang-undang serta perlembagaan dan sejarah serta kebudayaan. Agak susah hendak meramal atau menggambarkan masa depan orang Melayu, bahkan mana-mana negara dan bangsa yang lain.

Namun kita boleh memberikan garisan umum tentang aliran perkembangan dahulu dan sekarang, serta sekurang-kurangnya cuba menjelaskan apa yang patut dielak dan digalakkan untuk menentukan masa depan yang lebih baik bagi orang Melayu. Banyak jenis perubahan dan masalah yang telah dibincangkan secara terperinci atau disebut sekali lalu sahaja dalam pelbagai bab buku ini. Antara unsur-unsur pentingnya boleh diringkaskan seperti di bawah:

(a) **Sejarah:** Orang Melayu mempunyai sejarah yang panjang sebagai penduduk asal negara ini. Mereka mengalami beberapa pemerintahan penjajah, tetapi yang paling lama dan berkesan sekali ialah penjajahan Inggeris. Dengan 'bantuan' penjajah Inggeris yang memenjara atau membunuh pejuang kebebasan tulen, kemerdekaan diserahkan kepada pemimpin yang sanggup bersubahat dengan kuasa asing itu.

(b) **Ekonomi:** Sebagai sebahagian daripada warisan penjajahan, masih wujud unsur ekonomi duaan dan pengkhususan tenaga kerja mengikut garis kaum, dengan Britain serta Amerika Syarikat sekarang rernainkan peranan pemodal yang berpengaruh. Dominasi system pasaran bebas membenarkan penumpuan kekayaan dalam tangan segelintir orang (pelbagai kaum, tetapi orang bukan Melayu sebagai majoritinya) yang mengakibatkan kemiskinan di kalangan rakyat terbanyak (juga pelbagai kaum, tetapi dengan majoriti orang Melayu). Sungguhpun kemiskinan mutlak sudah berkurang, namun kemiskinan relatif (melebarnya jurang sosio-ekonomi) semakin bertambah. DEB banyak membantu orang Melayu kaya yang disponsor oleh golongan berkuasa melalui amalan nepotisme dan kronisma.

(c) **Politik:** Sistem dan institusi politik tradisional wujud di bawah simbol raja berperlembagaan. Kuasa efektif bertumpu di tangan sebilangan ahli politik yang sering dipilih dengan cara tidak adil dan sudah berkuasa selama setengah abad. Dengan tiap-tiap Perdana Menteri yang silih berganti, pemerintahan menjadi semakin autoritarian - undang-undang zalim digunakan, media dikawal, polis tidak neutral dan ramai hakim tidak bebas.

Penekanan kepada perpaduan dan ketuanan Melayu merupakan muslihat yang digunakan oleh segelintir orang untuk terus berkuasa dan menimbun tambah harta.

(d) **Sosial:** Dalam sektor masyarakat lebih tradisional, hubungan keluarga dan komuniti setempat masih kuat, akan tetapi hubungan ini kian lemah dengan semakin kuatnya sistem susun-lapis berasaskan kelas sosial; maka semakin kuatlah ikatan kepentingan yang melampaui batas keluarga dan tempat. Banyak masalah sosial seperti korupsi, jenayah, pengangguran dan setingan yang timbul ternyata berkait rapat dengan perubahan tidak seimbang dalam sistem ekonomi, politik dan susunlapis. Struktur masyarakat yang bersusunlapis dengan pengagihan pendapatan yang tidak saksama mengakibatkan kesulitan untuk mendapat kemudahan kesihatan, pendidikan dan perumahan yang baik bagi kelas bawahan.

(e) **Agama:** Kepercayaan dan amalan tradisional masih kuat di kalangan orang Melayu. Berhubung Islam, ramai Muslim lebih kuat melakukan upacara agama daripada memahami doktrin atau mengamalkan syariah. Pentadbiran Islam sudah mula dibirokrasikan. Perkembangan ini bersama-sama sultan sebagai simbol ketua, menjadi penyekat kepada perubahan progresif masyarakat. Agama juga sudah menjadi asas ideologi parti dan gerakan sosial golongan Muslim. Dalam masyarakat pelbagai kaum kejayaan mereka terbatas dan kadang-kadang menjadi sumber konflik.

(f) **Hubungan etnik:** Faktor-faktor berlainan seperti ekonomi, politik, agama dan bahasa mirip mengasingkan kumpulan-kumpulan kaum. Pada umumnya terdapat hubungan harmoni, akan tetapi ketegangan antara kaum pernah berlaku, berpunca daripada konflik nilai dan kepentingan. Dasar pecah dan perintah masih meluas dan mengancam perpaduan nasional.

Lima puluh tahun selepas Merdeka, agenda perpaduan nasional masih belum menunjukkan tanda kejayaan.

(g) **Pembangunan:** Dasar dan rancangan pembangunan kerajaan lebih menggalakkan kepentingan segelintir orang atasan. Matlamat DEB untuk menyusun semula masyarakat menumpu kepada usaha membentuk kapitalis Melayu dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Banyak dasar dan rancangan yang dimulakan dan dilaksanakan di bawah Perdana Menteri, Dr Mahathir, memperkuatkan lagi segolongan kecil kapitalis Melayu dan menambah buruk amalan kronisme dan korupsi.

Jurang perbezaan sosio-ekonomi di kalangan orang Melayu semalmdn ketara dan **sistem ekonomi laissez faire** bertambah kuat cengkamannya.

Adalah satu perkara yang sukar untuk menduga atau membayangkan dengan tepat masa depan satu-satu negara dan bangsa. Sebagaimana yang biasanya berlaku di negara-negara Dunia Ketiga yang baru muncul, Malaysia juga cuba mengusahakan pembangunan dan mahu mewujudkan masyarakat dan manusia yang maju. Usaha seperti ini dikenal sebagai proses pemodenan.

Pemodenan atau pembaratan?

Apakah matlamat pemodenan yang hendak kita capai? Idea Mahathir untuk memodenkan orang Melayu melalui kapitalisme masih mempengaruhi kerajaan serta kepimpinan sekarang dan dasar-dasar negara kini mungkin akan berterusan buat beberapa waktu lagi. Apakah kesannya ke atas orang Melayu sekarang?

Bagaimanakah bentuk masyarakat serta nilai hidup di kalangan orang Melayu yang hendak dilahirkan?

Semua ini adalah soalan yang menarik dan menuntut jawapan. Proses pemodenan sering disalah anggap sebagai sama dengan proses pembaratan. Barat dipandang paling moden dan jikalau hendak maju hendaklah mengikut cara-cara mereka. Ini suatu pendapat yang luas kedengaran. Malangnya, buat sekian lama unsur-unsur Barat yang berkembang di negara ini bukanlah yang mengikut tapisan serta pilihan rakyat sendiri, tetapi mengikut apa yang disogokkan melalui kuasa penjajahan.

Di sini keputusan untuk mencapai pemodenan, sebagaimana yang berlaku di negara-negara lain yang pernah terjajah, tidak ditentukan oleh rakyat, tetapi oleh penjajah. Penjajalah yang telah menyalurkan dan mernaksakan segala nilai dan peraturan Barat dari atas. Jadi yang berlaku bukannya proses pemodenan, tetapi pembaratan.

Namun secara adil boleh dikatakan di bawah lima Perdana Menteri di negara ini terdapat juga percubaan untuk menghidupkan semula unsur-unsur ternpatan yang berbeza dengan identiti asing. Tetapi ini berlaku kebanyakannya dalam bidang bahasa, pendidikan, kebudayaan dan keagamaan.

Peraturan ekonomi, politik, pentadbiran, perundangan dan pelajaran yang diperkembang dalam masa lebih seratus tahun yang lalu adalah berlandaskan peraturan di Barat, khususnya Inggeris. Nilai-nilai sosial dan kebudayaan yang diperluaskan pula adalah yang menimbulkan rasa hormat dan kadang-kadang takjub serta taksub kepada segala yang kebaratan itu, sehingga nilai-nilai yang diwarisi bangsa sendiri dipandang rendah dan dikesampingkan.

idak dinafikan pula ada beberapa aspek sistem dan nilai Barat yang diterima adalah berguna juga kepada orang Melayu. Walaupun peraturan-peraturan Barat itu meluas ke seluruh negara, akan tetapi nilai-nilai kebudayaan serta pemildrannya lebih kuat berpengaruh ke atas lapisan atasan dan pertengahan, terutamanya di kawasan bandar. Pada zaman penjajahan orang dan lapisan inilah yang mula-mula digunakan oleh pihak penjajah untuk mengukuhkan pengaruh serta kuasanya.

Sungguhpun perubahan berlaku dalam zaman penjajahan, namun perubahan itu amatlah terbatas. Misalnya, dalam bidang ekonomi, banyak kemajuan baru yang sengaja tidak diperluaskan sampai ke masyarakat tani di kampung. Sebagaimana yang telah diperkatakan lebih awal, pihak penjajah Inggeris menggalakkan supaya petani padi terns dengan usaha lama mereka. Dengan menggalakkan kemasukan orang asing ke Semenanjung mereka sekaligus

menyekat orang Melayu daripada dapat diserapkan ke dalam aktiviti-aktiviti ekonomi barn, khususnya dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Proses pemodenan lambat berlaku dalam masyarakat.

Seterusnya dalam bidang pelajaran pula, walaupun didirikan sekolah dan diperluaskan peluang pelajaran kepada sesetengah orang Melayu, khususnya dan kalangan golongan bangsawan yang boleh dijadikan kaidtangan pentadbiran penjajah, namun bagi ralwat terbanyak, terutamanya anak-anak tani, peluang pelajaran yang dibuka itu adalah sangat terbatas. Bukan saja sekolah-sekolah yang baik tidak didirikan di kampung, bahkan kalau ada pun, hanya pada peringkat yang sangat rendah.

Nyatalah bahawa dasar penjajah ialah untuk membataskan pelajaran setakat yang membolehkan orang kampung hanya dapat membaca, menulis dan mengira sedikit-sedikit supaya kononnya tidak mudah ditipu oleh orang asing. Sebabnya pihak penjajah tidak mahu menggalakkan perkembangan luas dalam bidang-bidang seperti ekonomi dan pelajaran ini sudah terang dan tidak payah bersuluh lagi. Tujuan penjajahan bukan untuk memajukan rakyat yang dijajahnya, tetapi untuk mendapat keuntungan sebanyak-banyaknya dan tanah jajahan.

Membuka ladang dan lombong, misalnya, lebih digalalckan daripada membaiki keadaan pertanian padi di kampung, sebab perladangan dan perlombongan nyata boleh dieksplotasi untuk keuntungan mereka.

Tambahan pula pihak penjajah mengetahui bahawa jikalau kemajuan seperti pelajaran digalaidcan seluas-luasnya, maka kernajuan itu boleh mengancam mereka sendiri, sebagai senjata yang boleh rnenikam tuan.

Jikalau banyak sekolah didirikan dan dibuka peluang kepada ramai bilangan rakyat untuk mendapat pelajaran tinggi, maka akhirnya akan timbullah golongan bijak pandai yang boleh mencabar kedudukan penjajah itu. Ini memang sudah berlaku di beberapa tanah jajahan, termasuklah negara ini juga. Sebilangan kecil cerdik pandai yang berpendidikan Barat berjaya rnenggunakan ilmu yang mereka perolehi untuk menentang penjajah. Dengan membataskan peluang pelajaran, kuasa penjajah dapat melambatkan proses kesedaran dan kemunculan golongan pemimpin yang menentang mereka.

Oleh sebab pengaruh penjajahan terbatas ataupun dibataskan, ia tidaklah berjaya sepenuhnya menghapuskan pelbagai unsur budaya dan sejarah masyarakat Melayu lama. Banyak di antaranya masih berlanjutan.

Sebagai contoh, dalam bidang ekonomi kegiatan dan cara pertanian bentuk lama berterusan di karpung; dalam bidang politik lambang kekuasaan lama seperti sultan atau penghulu masih dikekalkan dan dalam bidang kebudayaan sena kepercayaan unsur-unsur keperibadian Melayu lama masih kukuh di kalangan sebahagian besar rakyat.

Seterusnya nilai sena sikap lama pun banyak terdapat sehingga kini. Peraturan dan nilai lama yang berlanjutan dan masyarakat Melayu tradisional wujud sebelah-menyebelah dengan peraturan dan nilai baru kebaratan yang berkembang melalui penjajahan. Tetapi keadaannya bukanlah dalam bentuk keseimbangan yang tetap.

Proses pemodenan terus berlaku, dan dengan demikian unsur-unsur baru dari Barat bertambah meluas pengaruhnya dan kuat kedudukannya, manakala akibat sebaliknya berlaku pula ke atas unsur-unsur lama itu. Masyarakat Melayu kini memanglah dalam peralihan. Peralihan itu sudah lama ditetapkan atas asas dan mengikut landasan yang ditetapkan pada zaman penjajahan. Boleh dikatakan bahawa dalam beberapa hal perkembangan selanjutnya selepas Merdeka adalah menurut asas dan

landasan itu juga. Hal ini kelihatan jelas sekali terutamanya dalam bidang ekonomi dan undang-undang, umpamanya. Di negeri ini kesan daripada pengaruh penjajahan Inggeris masih kuat dan ketara.

Tradisi kerjasama dengan penjajah dan rupa bentuk Malaysia Merdeka

Bagaimanakah hal demikian boleh berlaku? Ini ada kaitannya dengan sejarah perjuangan kebangsaan di negara ini. Seperti yang dijelaskan dalam bab-bab terdahulu, ada dua tradisi perjuangan ini. Pertama ialah tradisi yang memperlihatkan kerjasama di antara pihak pimpinan tempatan dengan penjajahan Barat. Kedua ialah tradisi golongan pimpinan yang tidak mahu bekerjasama, bahkan menentang penjajahan Barat. Kedua-dua tradisi ini terdapat dalam abad ke-19, iaitu semasa rakyat menentang kemasukan penjajahan di Semenanjung dan dalam abad ke-20 semasa rakyat berjuang menuntut kemerdekaan.

Pada abad ke-19 golongan yang bekerjasama bersedia menerima penjajahan asalkan saja kedudukan serta kepentingan mereka sendiri terjamin. Golongan yang menentang terus bermati-matian, dengan tidak menghiraukan sama ada mereka ditahan, diburu bahkan dibunuh.

Dalam abad ke-20 golongan yang bekerjasama bersedia berkompromi untuk menerima kemerdekaan separuh masak atas

dulang emas dan membenarkan kuasa serta pengamh yang masih kuat di tangan penjajah dalam bidang ekonomi, terutamanya. Golongan yang tidak rela bekerjasama mahu menentang penjajahan habis-habisan supaya tercapai kemerdekaan yang tulen, bersih daripada segala saki-baki penjajahan dalam semua lapangan.

Perbezaan serta pertentangan di antara dua tradisi ini berlaku bukan saja di negara kita bahkan boleh dikatakan di semua negara yang pernah dijajah. Di kebanyakan tempat, tradisi pertamalah yang mula-mula mencapai kemenangan. Rakyat terbanyak dapat cliperalat dan diperkudakan,

akan tetapi lama-kelamaan rakyat celik dan sedar, disebabkan oleh kenyataan bahawa kemerdekaan yang sama-sama mereka perjuangkan dulu tidak mendatangkan keuntungan kepada golongan yang senasib dengan mereka.

Apabila kesedaran politik meluas di kalangan rakyat terbanyak, maim mereka meneruskan perjuangan rnengikut tradisi kedua tadi. Mereka tidak mahu ditipu dan dibelit lagi. Perkernbangan politik seperti ini banyak berlaku di beberapa buah negara di Dunia Ketiga. Akhirnya tuntutan serta perjuangan rakyat, di bawah pimpinan pejuang-pejuang kebangsaan tulen mencapai kemenangan. Masa depan negara ini dan rakyat Melayu pasti akan nrilihat juga perkembangan seperti ini.

Para pemimpin serta pejuang rakyat yang tulen biasanya memegang dua prinsip sebagai panduan bagi dasar dan tindakan mereka, iaitu:

- (i) mengutamakan kepentingan bangsa dan negara sendiri, bukannya kepentingan bangsa dan negara lain;*
- (ii) mengutamakan rakyat terbanyak yang serba lemah daripada lapisan bawahan, bukannya kepentingan segelintir orang yang mempunyai kuasa politik serta ekonomi daripada lapis atasan serta pertengahan.*

Sebenamya, untuk menjamin masa depan yang lebih sejahtera bagi, rakyat negeri ini, khususnya orang Melayu, maka kedua-dua prinsip ini perlu dipatuhi.

Perdana Menteri pertama, Tengku Abdul Rahman lemah dalam kedua-dua ciri di atas. Dasar dan rancangannya banyak pro-Barat atau lebih jelas pro-Inggeris. Manakala Dr Mahathir, Perdana Menteri keempat pula, melihat kepada retorika dan pendirian anti-Barat, khususnya anti-ASnya, lebih kuat pada aspek pertama dan kurang dalam aspek kedua.

Dasar dan rancangan dalam negara beliau lebih memihak kepada kepentingan kroni serta keluarga sendiri yang kaya daripada golongan miskin, dan memihak kepada elit pemerintah daripada rakyat ramai.

Boleh dikatakan, semasa Mahathir lah tendensi penumpuan kekayaan di kalangan segelintir orang bertambah mendalam dan meluas.

Agak ironis sebuah negara kaya dan dirahmati dengan banyak sumber asli seperti Malaysia ini harus meminjam dari seluruh dunia, terutama Barat, untuk membiayai sesetengah projek pembangunan dan juga pelaburannya. Pada tahun 2005, hutang negara berjumlah RM\$228.7 bilion, iaitu RM\$198.7 bilion merupakan hutang dalam negara dan RM\$30 bilion hutang luar negara.

Sesetengah negara yang baru muncul sudah menyedari tentang keburukan sistem dan struktur ekonomi kolonial. Itu sebabnya kebanyakan negara Timur Tengah dan Amerika Latin, umpamanya, sudah naemilknegara industri minyak mereka. Dengan cara begitu mereka meletakkan kepentingan rakyat serta negara mereka sendiri di atas kepentingan negara asing. Tetapi tragedinya ialah kebanyakan elit pemerintah ini (yang feudal atau autoritarian) meletakkan kepentingan diri serta keluarga mengatasi kepentingan rakyat biasa.

Terdapat sedikit perubahan dalam pendekatan kepada pembangunan berikutan **peristiwa 13 Mei 1969**. Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan pada tahun berikutnya dan banyak rancangan pembangunan dijalankan. Mengikut angka yang dikeluarkan oleh IMF (Dana Kewangan Antarabangsa), pendapatan perkapita Malaysia naik dari US\$1,100 pada tahun 1975 kepada US\$4,300 pada tahun 1990 dan US\$8,970 pada tahun 2003. Matlamat untuk mengatasi kemiskinan tidak kira kaum menumpukan perhatian kepada golongan miskin. Lebih banyak wang diperuntukkan kepada usaha untuk mencapai matlamat ini. Kadar bebanan kemiskinan turun dari 49.3 peratus pada 1977 ke 5.7 peratus pada tahun 2005.

Namun demikian, kemiskinan relatif bertambah, dengan jurang sosio-ekonomi di antara kaya dan miskin semakin melebar. Sebilangan kecil menjadi kaya raya, akan tetapi kemiskinan tetap masih dalam lingkungannya 2.9 peratus di kampung-kampung. Artinya pengagihan kekayaan yang adil serta saksama belum dicapai sepenuhnya. Nilai keadilan sosial serta kesamarataan tidak didokong, apatah lagi dilaksanakan.

Matlamat penghapusan kemiskinan dan perpaduan dalam DEB masih gagal dicapai

Pada masa sama, walaupun matlamat ini menekankan pendekatan bagi kaum dan penumpuan lebih kepada orang Melayu di luar bandar yang terlibat dengan pertanian, namun kadar kemiskinan masih tinggi di luar bandar, iaitu 11.9 peratus pada tahun 2005. Orang India mengadu hampir tiada mendapat peruntukan bermakna, terutama sekali bagi pekerja estret yang miskin.

Salah satu sebab mengapa jurang sosio-ekonomi bertambah ialah kerana sifat matlamat kedua DEB itu sendiri dan cara perlaksanaannya matlamatnya ialah untuk menyusun semula masyarakat dengan mengatasi pengenalan pekerjaan mengikut kaum. Tetapi kerajaan lebih memampu kepada sasaran terbatas untuk menambah bilangan orang Melayu dalam industri, perdagangan dan bidang profesional, bukannya untuk melaksanakan matlamat itu secara keseluruhan bagi rakyat ramai. Idea mereka ialah untuk mencapai keseimbangan di antara modal Melayu dengan bukan Melayu dalam kesemua bidang mi. Bermacam jenis sponsor - dalam bentuk geran, pinjaman, latihan, pendidikan dan kuota - disedia atau ditentukan oleh kerajaan untuk menaikkan taraf ekonomi orang Melayu. Benar, jaringnya ditebar luas, akan tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang rapat dengan mereka yang berkuasa dalam kerajaan berpeluang mendapat lebih banyak keistimewaan daripada yang lain.

Dalam negara ini masih banyak lagi peraturan dan nilai yang bertentangan dengan kepentingan bangsa dan negara kita sendiri. Lihat bidang ekonomi sekali lagi sebagai contoh. Akibat penguasaan penjajahan clan belum beraninya para pemimpin kini mengubah susunan serta peraturan ekonomi yang diwarisi dan zarnan sebelum Merdeka, maka banyak punca kekayaan negeri ini tenis dikuasai oleh beberapa kerat pernodal-monopoli asing. Tahun demi tahun mereka memungghah keluar jumlah keuntungan yang besar. Sebaliknya negara kita pula yang menjadi susah, terpaksa meminjam di sana dan berhutang di sini untuk menjalankan usaha pembangunan.

Di beberapa negara yang barn muncul, keburukan susunan serta peraturan ekonomi bercorak penjajahan ini sudah disedari. Itulah sebabnya negara negara itu mengambil langkah tegas mengernbalikan segala punca kekayaan yang telah dirampas oleh pihak imperialis. Itulah sebabnya kebanyakan negara Arab dan Amerika Selatan, umpamanya, telah memiliknegarakan perusahaan minyak mereka. Terbukti bahawa dengan langkah ini mereka

mengutamakan kepentingan bangsa dan negara sendiri, lebih daripada bangsa dan negara asing.

Tetapi ini saja bekanlah memadai. Atas nama bangsa dan negara, segolongan kecil lapisan atasan yang mempunyai kuasa atau pengaruh boleh membolot kekayaan negara untuk memuaskan sifat tamak haloba dan hawa nafsu sendiri sahaja. Mesti ada jaminan yang kuat bahawa rezeki daripada kekayaan negara itu akan terbahagi secara adil dan keuntungan daripada usaha-usaha pembangunan akan sampai ke bawah, supaya dapat turut dinikmati oleh golongan yang paling miskin terutamanya, tidak kira sama ada mereka di kampung atau di bandar, menjadi petani atau buruh. Dan segi ekonomi, ada dua perkara yang boleh menimbulkan bahaya segelintir golongan kaya membolot kekayaan dan menyekat sebahagian besar rakyat miskin daripada mencapai kemajuan. Pertama ialah falsafah ekonomi bebas atau laissez faire yang masih berakar tunjang, dan keduanya keadaan masyarakat yang terus bersusunlapis.

Dari satu segi, ekonomi bebas adalah hasil daripada sistem kapitalis yang telah digalakkan oleh penjajah sebagai landasan bagi perkembangan politik, ekonomi dan sosial negara ini untuk memastikan agar negara dan penduduknya dapat dimodenkan mengikut corak kebaratan.

Walaupun ada sebilangan pemimpin yang cuba menafikannya, namun haldkatnya tetaplah bahawa sistem kapitalis disertai ekonomi bebas mendapat restu dan dipupuk oleh kerajaan. Memang benar bahawa dal am rangka bidang sistem ini usaha-usaha pembangunan boleh dijalankan juga, dan dapat menguntungkan rakyat. Seperti yang selalu dibanggakan oleh sesetengah pemimpin, rancangan pembangunan di negara ini telah menaikkan pendapatan petani, khususnya di rancangan-rancangan tanah, dan menambahkan lagi bilangan orang kampung yang dapat memiliki skuter atau motosikal.

Tetapi beberapa kenyataan lain sering dilupakan. Bukankah, keuntungan dan kemewahan yang diperolehi sebilangan kecil para kontraktor, orang lengah, pengusaha, peniaga, pemodal dan pemimpin politik kerap jauh lebih besar? Jika si miskin dapat sebidang tanah atau sebuah kedai kecil, bukankah lebih mudah bagi si kaya mendapat balak atau kilang? fikir si miskin boleh membeli skuter, bukankah si kaya lebih senang menukar atau rnengumpul kereta besar? Apakah yang boleh menyekat jurang antara bilangan besar yang miskin dengan bilangan kecil yang kaya itu menjadi bertambah lebar?

Kesan ekonomi bebas akan menjadi lebih buruk dalam masyarakat yang bersusunlapis atau yang memperlihatkan ketidaksamaan. Lapisan-lapisan masyarakat berbeza antara satu sama lain dari segi kedudukan politik, ekonomi dan sosial iaitu kedudukan lapisan atasan lebih kuat, berpengaruh dan tinggi daripada lapisan bawahan.

Sebenarnya perbezaan di antara lapisan-lapisan ini selalunya selaras dengan perbezaan di antara golongan kaya dengan golongan miskin.

Golongan atasan yang kaya lebih sering menguasai kedudukan politik yang berpengaruh dan lebih selalu memainkan peranan yang dihormati oleh masyarakat daripada golongan bawahan yang miskin. Tiap-tiap lapisan ini boleh juga dianggap sebagai golongan kelas sosial.

Sebenarnya dalam masyarakat manusia memang sudah lama wujudnya lapisan perbezaan atau kelas. Zaman dulu, misalnya, ada perbezaan kelas di antara tuan dengan hamba atau raja dengan rakyat. Sekarang di sesetengah negara masih berlanjutan perbezaan antara raja dengan rakyat, dan selain itu sudah timbul juga perbezaan besar antara pemodal dengan pekerja. Perubahan sejarah hanya mengubah bentuk kelas itu.

Apabila perkataan kelas digunakan, mudah saja sesetengah orang mendakwa bahawa konsep kelas itu ialah konsep komunis, dan dalam masyarakat Melayu tidak ada kelas. Pertama sekali perlu ditegaskan bahawa dalam ilmu kernasyarakat, yang didasarkan kepada kajian-kajian yang rapi, wujudnya kelas memang merupakan suatu kenyataan yang diakui dalam pelbagai jenis masyarakat

Kelas sosial sebagai fenomena tabii dalam masyarakat

Ahli-ahli ilmu kemasyarakatan, termasuk mereka yang bukan komunis, bahkan yang anti-komunis juga, selalu menggunakan konsep kelas ini dan mengakui wujudnya perbezaan kelas dalam masyarakat.

Seterusnya, hakikat sejarah dan kenyataan masa lldni membuktikan bahawa kedudukan kelas yang membezakan satu orang atau golongan dengan orang atau golongan yang lain memang wujud juga dalam masyarakat Melayu.

Sebagaimana yang dihuraikan terlebih awal, dalam masyarakat Melayu lama sudah terdapat dua lapisan, iaitu atasan (atau bangsawan) dan bawahan (atau rakyat). Selepas kedatangan Barat, perkembangan politik, ekonomi dan sosial yang baru menimbulkan pula lapisan-lapisan atasan, pertengahan dan bawahan corak baru.

Dr Mahathir pernah menulis bahawa "...dalam masyarakat Islam tidak ada kelas. Memang ada orang miskin dan orang kaya tetapi pembahagian kepada kelas tidak berlaku." Menurutnya lagi ikatan kekeluargaan begitu kuat sehingga tidak mungkin diputuskan oleh perbezaan kelas ekonomi. (Dr Mahathir, 1976). Ada beberapa kekelimatan yang nyata dalam pendapat ini. Pertamanya, harus difahamkan perbezaan antara 'pengajaran Islam' dengan masyarakat orang beragama Islam: Mernang mengikut pengajaran Islam bahawa kemuliaan seseorang di sisi Allah adalah bergantung kepada takwa, dan takwa seseorang tidak ditentukan oleh tarafnya, sama ada dia kaya atau miskin, menteri atau petani. Akan tetapi lain sedikit dengan 'masyarakat Islam', yang boleh difahami dan dua segi:

(a) masyarakat yang mempraktikkan pengajaran Islam dalam segala hal, dan

(b) masyarakat yang terdiri daripada orang beragama Islam ataupun Muslim yang tidak semestinya mengamalkan pemerintahan cara Islam. Dalam mana-mana masyarakat penganut Islam mengikut kedua-dua segi fahaman ini masih boleh wujud lapisan yang berbeza dan dapat dianggap sebagai golongan kelas. Pada zaman **Umayyah dan Abbasiyah** dulu dan di negara seperti Arab Saudi dan Mesir sekarang terdapat lapisan-lapisan atau kelas-kelas yang berlainan. Keduanya, apabila seseorang itu mengakui bahawa dalam satu-satu masyarakat itu wujud golongan kaya dan miskin, maka dengan sendirinya ia telah mengakui wujudnya asas terpenting bagi penentuan kelas ekonomi. Memang banyak faktor yang memungkinkan seseorang itu menjadi kaya, seperti usahanya, pelajarannya, pekerjaannya dan lain-lain. Tetapi biasanya mereka yang terkaya sekali dalam masyarakat adalah yang menguasai modal atau tanah.

Dengan ini mereka berjaya membuka kilang atau ladang dan seterusnya menguasai tenaga kerja pula. Mereka yang kaya ini hidup mewah di kawasan yang istimewa, mempunyai hubungan dan stail hidup yang jauh membezakan mereka dengan orang miskin. Dengan kedudukan ekonomi yang lumayan mereka boleh mendapat atau membeli pengaruh politik dan martabat sosial. Jadi apabila seseorang mengakui wujudnya golongan kaya-miskin dalam masyarakat, dengan sendirinya ia tidak dapat mengelak daripada mengakui adanya kelas sosial.

Ketiganya, dikatakan bahawa dalam masyarakat orang Islam ikatan kekeluargaannya kuat dan tidak (dapat diputuskan oleh perbezaan kelas).

Pendapat seperti ini hanya menunjukkan kejahilan tentang sejarah lama dan peristiwa masa kin. Sebenarnya ikatan kekeluargaan memang kuat dalam masyarakat tradisional, bukan sahaja dalam masyarakat Islam tetapi juga yang bukan Islam. Tribe atau kabilah, clan atau sei atau suku merupakan keluarga besar yang terdapat di serata Asia dan Afrika. Tetapi disebabkan oleh bermacam jenis perubahan politik, ekonomi, sosial dan pelajaran yang berlaku, ikatan keluarga menjadi lemah dan timbul pula ikatan baru, antaranya ikatan kelas. masyarakat Melayu, Idris Si Tenggang menunjukkan bahawa apabila beliau sudah berjaya menjadi nakhoda yang kaya, kedudukan kelasnya telah berubah. Apabila di depan isterinya dia berasa malu untuk mengakui ibubapanya yang miskin dan kampung sehingga sanggup menghalau mereka. Mengikut hikayatnya, ibu Tenggang tersangat marah sehingga menyuruh beliatt dan isterinya. Sekonyong-konyong mereka dan kapal mereka menjadi batu. Dan cerita ini berertilah Tenggang sanggup memutuskan ikatan kekeluargaannya dan menerima apa saja balasan.

Bukankah hari ini juga banyak cerita yang hampir sama dengan kisah si Tenggang ini? Anak-anak muda yang berpelajaran atau berpangkat tinggi ramai juga yang menjadi kacang lupakan kulit. Mereka tidak mahu balik kampung dan cuba menyembunyikan asal-usul mereka. Namun ramai pula yang bangga dengan latar belakang renclah mereka dan mencurahkan kesayangan serta tanggungjawab mereka ke atas ibu bapa mereka yang miskin. Ini menunjukkan sistem susunlapis masyarakat itu masih longgar atau belum "crystalised" lagi. Tetapi ini tidak bermakna tidak wujud pula kumpulan kelas dan status yang berlainan.

Memang benar dalam politik dan pentadbiran masih terdapat amalan mereka yang memilih bulu dengan mengutamakan keluarga sendiri. Amalan ini kelihatan berkurangan oleh kerana perubahan baru yang berlaku dalam masyarakat Melayu. Namun begitu, khususnya dalam bidang politik dan ekonomi, amalan kronisme dan nepotisme semakin meluas terutama sekali di kalangan sekumpulan kecil mereka yang paling berkuasa.

Memang benar banyak akibat buruk mungkin berlaku jikalau seseorang pemimpin politik yang berjaya terlalu mernilih bulu; mereka mungkin tidak disukai. Akan tetapi, ada yang sudah menjadi begitu berkuasa sehingga mereka tidak mernpedulikan apa-apa kerana percaya media yang mereka kuasai tidak akan mendedahkan perbuatan mereka.

Mereka yang berkuasa besar ini boleti meluaskan lagi asas politik mereka dan menguatkan lagi pengaruh ekonomi mereka dengan

mempunyai kroni serta nomini yang boleh percayai walaupun tidak semestinya dan di kalangan keluarga sendiri. Tambahan pula, sudah tentu tidak akan tergerak atau termampu seseorang yang berjaya atau kaya itu sentiasa mahu menolong atau mempertahankan keluarganya sahaja.

Masyarakat Melayu terdiri daripada orang yang beragama Islam, tetapi keimanan dan takwa jarang-jarang digunakan oleh anggota-anggota masyarakat itu sendiri sebagai nilai untuk menghormati atau memuliakan seseorang atau segolongan, walaupun mengikut ajaran Islam ia mulia di sisi Allah. Di kampung pun, di mana nilai agama masih kukuh, kuasa wang dan politik kadang-kadang lebih dipandang tinggi. Sudah tentulah seorang yang alim di sisi agama dan mempunyai kekayaan pula pasti paling dihormati orang lain.

Seperti yang telah disebutkan, stniktur kelas lama masih berterusan, walaupun dalam bentuk yang sudah agak bentbah. Pada masa yang sama, kelas pertengahan masa ini sudah menjadi suatu kenyataan. Golongan kelas menengah yang besar boleh menjadi satu faktor untuk lebih meratakan perbezaan ekonomi dan sosial. Tetapi ia tidak akan melenyapkan jurang sosio-eknorni yang lebar di antara yang paling kaya dengan yang paling miskin dalam masyarakat. Kemungkinannya ialah pada masa hadapan perbezaan kelas akan lebih jelas lagi dengan bertambah meluasnya jurang ketidaksamaan sosio-ekonomi ini.

DEB dan pengukuhan kelas ekonomi dan sosial

Salah satu faktor penting yang rnelanjutkan perbezaan kelas yang lebih jelas ini ialah dasar pembangunan ekonomi kerajaan sekarang, terutama sekali DEB. Atas nama DEB, yang diperkuatkan lagi °telt artikel dalam perlembagaan yang menentukan kedudukan istimewa orang Melayu, sekumpulan kecil yang berkuasa atau rapat dengan mereka ini mengambil apa saja peluang untuk menjadi kaya-roya.

Dasar ini menggalakkan pertumbuhan golongan peniaga dan pengusaha Melayu. Sudah pasti mereka ini nanti, melalui usaha sama dengan pemodal kaum lain, akan menimbulkan kerjasama dan perpaduan di kalangan pemodal berlainan kaum Maka akan bersama-samalah mereka ini menggunakan kebebasan yang dibenarkan oleh ekonomi bebas dan sistem kapitalis untuk memperkayakan din dengan merompak kekayaan negara.

Sudah tentu usaha sama dalam bidang ekonomi akan digalakkan kerana ia boleh dan akan menguatkan kerjasama antara kaum dan integrasi kaurn, terutan-ra sekali di kalangan anggota kelas atasan. Mereka boleh bebas melakukan penindasan ke atas rakyat miskin dan pelbagai kaum, yang kebanyakannya terdiri daripada petani

Melayu. Pemusatan kekayaan di kalangan sebilangan kecil yang paling kaya adalah satu faktor penting yang boleh mengakibatkan kemiskinan dan perbezaan sosio-ekonomi yang lebih ketara. Akibatnya, yang kaya menjadi bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin.

Sekarang ini kita melihat keadaan di mana perbezaan dalam kaum yang sama sudah mulai lebih serius daripada perbezaan antara kaum.

Sebilangan besar golongan Melayu yang miskin bersama bukan Melayu yang miskin menjadi bertambah miskin. Pada masa yang sama sekurnpulan kecil Melayu yang kaya, beserta lebih ramai bukan Melayu yang sama atau lebih kaya, menjadi bertambah kaya lagi. Dengan demikian perbezaan kelas akan bertambah jelas dan "crystalised di antara mereka.

Masalah kemiskinan memang sangat serius dalam negara-negara yang baru nuncul. Di Semenanjung, pelbagai rancangan dan usaha dijalankan untuk menabasmu kemiskinan. Bahkan selepas pelaksanaan DEB, jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan baginya agak besar. Tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian petani miskin mendapat faedah daripadanya.

Akan tetapi pada keseluruhannya peringkat pendapatan di kalangan lapisan bawahan yang paling miskin tidak banyak berubah. Bahkan, mereka semakin jauh ditinggalkan ke belakang oleh lapisan atasan yang kaya. Tambahan pula, seringkali orang yang bemedapatan rendah mengeluh bahawa hidup mereka bertambah sempit dengan kenaikan harga barang keperluan yang begitu cepat meningkat.

Mengikut angka rasmi kerajaan, kadar inflasi pada tahun 2007 adalah sekitar 3.6 peratus. Akan tetapi pada tahun itu, seperti tahun-tahun sebelumnya harga makanan dan lain-lain barang keperluan meningkat lebih tinggi daripada apa yang ditunjukkan secara rasmi oleh indeks harga. Keadaan ini memberi kesan buruk ke atas kelas menengah juga, apatah lagi kelas bawahan.

Semakin kurang tumpuan diberikan kepada pertanian selepas pelbagai, dasar dan rancangan yang dijalankan di bawah Mahathir. Rancangan Malaysia V, VI dan VII di bawahnya menunjulkan peruntukan bagi kemajuan pertanian dan pembangunan luar bandar berkurangan, iaitu masing-masing RM7.3 bilion, RM3 bilion dan RM4.5 bilion. Peruntukan ini naik sedikit kepada RM6.2 bilion untuk Rancangan Malaysia VIII dan RM11.4 bilion untuk Rancangan Malaysia IX di bawah Abdullah Badawi, yang naengumtunkan beliau akan mentunpu kepada pertanian dan pembangunan luar bandar.

Di bawah Mahathir kelihatan kadar pengurangan kemiskinan lebih perlahan dan sebelumnya. Akan tetapi dikatakan ini tendensi yang

memang dijangka apabila penghapusan kemiskinan semakin dekat dengan kadar sifar.

DEB sebenarnya tidak begitu berjaya menaikkan taraf sosio-ekonomi orang Melayu, akan tetapi pada masa yang sama ia menimbulkan tiga jenis kekecewaan. Pertama, ia membuka peluang kepada sebilangan kecil orang kaya baru Melayu dan juga bukan Melayu yang mempunyai hubungan politik atau keluarga yang rapat dengan golongan paling berkuasa dalam negara untuk mengumpul harta kekayaan dalam masa secepat mungkin. Ini menimbulkan rasa kecewa kepada orang Melayu (apatah lagi bukan Melayu) yang tidak mendapat peluang sama dan kena mengutip hanya sisa lebihan.

Kedua, walaupun perang membasmi kemiskinan harus mengatasi perlembaan kaum, namun berdasarkan DEB dan perlembagaan, orang Melayu selalunya diberikan keutamaan bagi hampir semua rancangan sosio-ekonomi untuk menaikkan taraf hidup orang miskin, sehingga orang bukan Melayu merasakan atau menganggap diri mereka sebagai dianaktirikan. Sudah tentu ini menimbulkan rasa marah dan kecewa di kalangan mereka.

Ketiga, sebagaimana yang telah disebut berulang kali, walaupun ada atau mungkin akibat DEB, penumpuan kekayaan berlaku sehingga melebarkan jurang sosio-ekonomi. Aliran ekonomi ini mungkin boleh menyebabkan akibat ekonomi dan sosial yang boleh membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan. Hal ini, beserta dua jenis kekecewaan yang tersebut di atas tidak akan dapat membantu usaha untuk menegakkan perpaduan bangsa.

Agenda Ekonomi Malaysia dan prinsip kepedulian rakyat
Terdapat lebih daripada cukup alasan untuk menggantikan DEB dengan Agenda Baru Ekonomi Malaysia (AEM) sebagaimana digesa dan dibayangkan oleh Anwar Ibrahim bagi pihak Pakatan Keadilan Rakyat. Beliau berhujah dengan tepat bahawa AEM hendaklah berasaskan prinsip "kepedulian rakyat".

Prinsip ini menekankan: (a) penumpuan usaha, program dan peruntukan kewangan untuk menaikkan taraf golongan miskin dan terbiar, tanpa menghiraukan kaum, (b) jaminan bahawa artikel berhubung kedudukan istimewa orang Melayu tidak digunakan hanya oleh sebilangan kecil orang Melayu untuk kepentingan sendiri bagi mendapatkan projek, pinjaman, sahaja, kontrak dan sebagainya, semuanya atas nama orang Melayu/Bumiputera, tetapi tanpa memperbaik keadaan orang Melayu biasa secara keseluruhan, dan (c) pencepatan proses pembangunan ekonomi Malaysia supaya ia dapat mengejar negara seperti Singapura, Korea dan Taiwan yang

sekarang ini jauh maju ke hadapan, walaupun semuanya berada pada tahap yang sama 50 tahun dahulu.

Seperti yang disebut lebih awal, pendekatan pelbagai kaum untuk memerangi kemiskinan tidak bererti ia mengabaikan nasib orang Melayu.

Bahkan tidak akan berlalu kerugian untuk orang Melayu kerana mereka merupakan golongan termiskin paling besar yang akan mula-mula sekali mendapat faedah daripada agenda ini. Pada masa sama ia akan diterima baik oleh golongan miskin bukan Melayu yang selama ini menganggap mereka didiskriminasi oleh DEB.

Dari sudut prestasi macro-ekonomi, Singapura dan Korea Selatan lebih berjaya daripada Malaysia. Tanpa bantuan apa-apa yang serupa dengan DEB, Singapura dan Korea mempunyai pendapatan perkapita KNK lebih tinggi; mengikut laporan IMF pada tahun 2006, pendapatan perkapita mereka masing-masing mencapai US\$34,152 dan US\$19,624, sementara pendapatan perkapita Malaysia cuma US\$6,146. Nampaknya DEB tidak membantu sangat prestasi ekonomi Malaysia.

Memang benar DEB berjaya membentuk beberapa orang jutawan Melayu, bahkan bilionair juga, tetapi pada masa yang sama komposisi dan kronisme bertambah luas. Lebih banyak bilionair bukan Melayu daripada Melayu, dan walaupun tidak mendapat manfaat daripada DEB secara langsung, namun mereka mendapat faedah daripada usaha mereka melalui korupsi dan kronisme.

Tidak perlu diulang tegas bahawa penumpuan kekayaan dalam tangan segelintir jutawan dan bilionair daripada pelbagai kumpulan etnik menyebabkan jurang sosio-ekonomi di peringkat antara kaum serta dalam kaum dan juga antara kawasan luar bandar (terutama di pedalaman) dengan kawasan bandar bertambah lebar. Adakah trend ini dapat disekat pada masa akan datang?

Kemiskinan relatif dan dominasi sistem pasaran bebas

Untuk mengatasi masalah kemiskinan relatif yang semakin bertambah dan penumpuan kekayaan yang berterusan, dan untuk memastikan AEM berkesan untuk mencapai matlamatnya, maka perlulah pendekatan alternatif digunakan bagi pembangunan negara.

Kebanyakan penderitaan sosio-ekonomi yang ditanggung, terutama oleh golongan miskin dan lain-lain dalam kelas bawahan, adalah disebabkan oleh dominasi sistem pasaran bebas atau laissez faire. Tetapi tidak pula disyorkan di sini cara untuk menjayakan masa depan Malaysia ialah dengan segera meninggalkan sistem itu

secara keseluruhan clan mengambil sesuatu yang berlainan sama sekali, termasuk sosialisme dan perancangan terpusat, misalnya.

Memandangkan peringkat pembangunan dan tingkat kesedaran politik rakyat yang ada, tidak realistik dan tidak praktikal bahkan kurang bijak untuk meletakkan sosialisme sebagai agenda masa lcinl. Bahkan ramai yang akan membahaskan di Rusia pun, sosialisme sudah gagal dan China pula seciang mengikut jalan kapitalis. Mudah juga untuk berhujah bahawa Singapura dan Korea Selatan berjaya walaupun dalam sistem kapitalis.

Akan tetapi, dalam konteks Malaysia, sistem ini membawa banyak masalah serta kekurangan yang luas seperti diterangkan lebih awal. Apa yang diperlukan di negara ini ialah lebih luas lagi keadilan sosial serta kesamarataan yang merentasi garis kaum.

Sebenarnya sedikit kawalan negara dan juga sedikit perancangan pusat mernang perlu untuk memastikan agar masa depan pembangunan adil untuk integrasi dan perpaduan kaum boleh tercapai. Hams diingat bahawa PETRONAS adalah institusi yang dim ilik negara untuk mengawal industri minyak petrol negara.

Mengapakah bekalan air, tenaga, pendidikan, kesihatan dan lain lain perkhidmatan sosial yang penting tidak boleh diusahakan oleh negara?

Dalam negara ini banyak perindustrian dan perkhidmatan sudah diswastakan, tetapi tidak pula terbukti urusannya lebih cekap, sebaliknya sudah menjadi lebih mahal dan bebanan berat ke alas rakyat.

Akan tetapi, jikalau memilik negara beberapa perindustrian dan perkhidmatan penting merupakan alternatif atau pilihan, maka yang paling penting ialah semuanya hendaklah digunakan demi kebajikan rakyat untung yang diperolehi daripadanya tidak hams dibazirkan untuk projek-projek mega yang tidak ekonomilc dan cuma memberi peluang kepada kroni-kroni untuk mendapat kontrak dan komisen besar.

Apakah yang berlaku pada PETRONAS dan hasilnya, yang semua simpanan terkumpulnya boleh dikatakan hampir habis dibelanjakan tanpa apa-apa laporan kewangan dikemukakan kepada parlimen, sebaik-baiknya rnenjadi pelajaran dan tidak harus dibenarkan berulang.

Seterusnya, perindustrian dan perkhidmatan yang diletakkan di bawah kawalan negara tidak sepatutnya digunakan untuk memperkayakan lagi mereka yang sudah kaya, yang berkuasa dan kroni serta keluarga mereka.

Sekiranya keuntungan daripada perusahaan yang dimiliki negara digunakan untuk keuntungan golongan miskin melalui penjagaan

kesihatan serta pendidikan percuma data perumahan murah, sudah tentulah taraf hidup mereka dapat diperbaiki dan jurang sosio-ekonomi dapat dikurangkan.

Sesungguhnya kemungkinan menghapuskan kemiskinan, merapatkan jurang sosio-ekonomi dan memerangi korupsi serta kronisme pada masa hadapan tentulah bertambah pudar seandainya sistem *laissez faire* terus dikekalkan. Sistem ini mengandungi unsur-unsur sernulajadi yang akan membebankan golongan miskin lebih daripada golongan lain.

Penghapusan kemiskinan dan perubahan sistem pemilikan dan pasaran

Jelas bahawa kemiskinan lebih mudah dihapuskan sekiranya ada perubahan struktur dalam sistem pemilikan serta penyewaan tanah di peringkat pengeluaran dan perubahan sistem pasaran di peringkat pengedaran. Akan tetapi ini bergantung hampir sepenuhnya kepada pimpinan kerajaan yang benar-benar mahu membela golongan mislnd.

Pada pandangan saya, kemungkinan membasmi kemiskinan pada masa hadapan adalah tipis sekali selagi sistem ekortomi bebas diteruskan juga. Sebagaimana yang telah dihuraiakan, sistem ini mengandungi unsur-unsur persaingan tidak adil dan penindasan zalim, yang akan hanya rnengakibatkan beban berat ke atas seinua rakyat miskin. Nyatalah bahawa pembasmian kemiskinan cuma dapat dicapai dengan perornbakan susunan ekonomi yang ada sekarang.

Kemiskinan dan pemusatan kekayaan nriernpunyai kesan yang serius ke atas pelbagai masalah sosial. Dua jenis rnasalah besamya ialah korupsi dan jenayah. Seperti yang dijelaskan lebih awal korupsi sangat membimbangkan dan sangat mengecewakan jika keadaannya bertambah buruk.

Ia tidak boleh diperangi hanya dengan retorika dan menangkap ikan-ikan bilis saja. Jerung-jerung ganas, terutama yang ada kuasa atau dekat dengan pusat lcuasa sering terlepas atau dilepaskan. Korupsi adalah paling berbahaya apabila ia berganding dengan kronisme. Paling membimbangkan ialah ramai orang Melayu, dan pegawai rendah polis membawa ke menteri, terlibat dengan korupsi clan mereka tidak mengambil hirau ajaran Islam yang mencela kedua-dua pemberi dan penerima rasuah. Banyak negara dan bangsa musnah akibat korupsi.

Tentang jenayah pula, ironinya ialah semakin berkernbang ekonomi clan semakin kuat pernirnpin bersuara tentang Islam, semakin banyak pula berlakunya jenayah ganas. Tetapi walaupun

pernabangtman pesat, namun kemiskinan yang dicatat adalah meluas, dan inilah salah satu faktor yang menjadi punca jenayah. Selain itu, rarnai pemimpin yang bercakap tentang Islam tidak menghayati prinsip asasnya. Mereka mungkin mendirikan solat atau berpuasa, namun mereka seolah-olah merestui dan terlibat dalam korupsi dan menggunakan undang-undang zalim untuk menahan tanpa bicara, walaupun mereka tahu ini bertentangan dengan Islam.

Dan 2003 hingga 2007, kes jenayah naik 4 peratus dari 156,315 ke 224,298. Semua jenis jenayah bertambah - yang ganas dan yang tidak pada tahun 2007 berbanding dengan tahun sebelumnya. Mengambil contoh empat jenis jenayah saja, penambahan bilangan serta peratus adalah seperti berikut: rogol bertambah 29.5 peratus kepada 3,177 kes, pecah rumah waktu malam naik 21.7 peratus kepada 24,440 kes, kecurian kereta naik 11.4 peratus kepada 12,427 kes dan kecurian motosikal naik 3.2 peratus kepada 12,427 kes (Jadual 13).

JADUAL 13 • JUMLAH PENAGIH DADAH DI PUSAT SERENTI MENGIKUT KUMPULAN ETNIK DAN JANTINA

Benar bahawa jenayah melibatkan semua kaum, tetapi sesetengah ngka yang diperolehi menunjukkan pembabitan orang Melayu lebih mai daripada kaum lain. Ini jelas dalam pengagihan dadah. Semua ini petanda kurang baik bagi orang Melayu dan Islam untuk masa akan datang. Tindakan tegas dan cepat diperlukan, bukan cakap-cakap daripada pemimpin yang boleh dipersoal keikhlasannya.

Untuk sistem ekonomi dan sosial berubah dan masalah-masalahnya diatasi, kita memerlukan tindakan politik yang radikal. Sama ada ia berlaku atau tidak, bergantung kepada peringkat kesedaran di kalangan rang ramai dan kemunculan pimpinan yang berkesan. Sudah jelas bahawa sebilangan besar rakyat mahukan perubahan dan dengan cepat, akan tetapi elit pemerintah yang wujud memilih untuk mempertahankan status quo yang telah rmemberikan begitu banyak keistimewaan kepada mereka

Untuk mencapai perubahan yang besar, bangsa Melayu dari sekarang perlu memberikan jawapan-jawapan yang tegas kepada soalan-soalan seperti berikut:

(a) Adakah kita mahukan bangsa yang terus dikongkong atau dipengaruhi oleh peraturan-peraturan serta nilai-nilai bercorak penjajahan?

(b) Adakah kita mahukan bangsa yang menjunjung nilai-nilai kebudayaan dagangan yang meruntuhkan akhlak dan yang mementingkan, keuntungan diri serta membelakangkan kesejahteraan ramai?

(c) Adakah kita mahukan bangsa yang membenarkan bertambahnya jurang perbezaan kelas-kelas ekonomi sehingga golongan kecil saja yang dapat menilunati kemajuan serta kesenangan hidup?

(d) Apakah kita mahukan bangsa yang membenarkan penindasan, penipuan, korupsi serta kecurangan berleluasa sehingga hubungan yang didasarkan kepada asas kemanusiaan hancur?

(e) Adakah kita mahukan bangsa yang terus diselaputi oleh pengaruh feodal yang mernupuk perasaan takut walaupun demi kebenaran, semangat menyerah, jiwa hamba serta sikap pak turut?

(f) Adakah kita mahukan bangsa yang dibelenggu oleh nilai-nilai serta kepercayaan karut dan sistem serta struktur politik lapuk yang boleh rnenyekat kemajuan?

(g) Adakah kita mahu membenarkan nilai, istituti dan amalan dernokratik dihakis dan sistem kuku besi bertambah kuat?

(h) Adakah kita mahukan bangsa yang membiarkan agama dicernar oleh golongan yang hendak memperalatkannya untuk kepentingan diri atau untuk menahan arus perubahan serta pembebasan?

(i) Adakah kita mahu melanjutkan struktur serta nilai ekonomi, politik dan agama yang menimbulkan ketegangan serta pertentangan kaum dan mengancam perpaduan nasional?

Banyak lagi soalan yang boleh dikemukakan. Paling pentingnya, jawapan atau rurnusan rnenyeluruh perlu segera dibuat untuk dijadikan pegangan dan panduan. Secara besar-besaran pula gerakan pembaruan perlu dilancarkan dan dilaksanakan untuk menimbulkan seluas-luasnya kesedaran di kalangan rakyat supaya lebih gigih rnengejar kemajuan dan pembaharuan hidup. Pentadbiran yang hendak dituju perlu disuarakan dalam semua bidang: politik, ekonomi, pelajaran, undang-undang, kebudayaan, bahkan agama jua.

Sudah pasti bahawa gerakan pembaruan ini akan ditentang oleh golongan yang terus mahu bekerjasama dengan lcuasa bekas jajahan, membesarkan cara-cara Barat, dan mengagungkan unsur feodal. Itulah sebabnya sikap dan tindakan yang hams diambil serentak oleh rakyat hendaklah mewujudkan sifat berani bergerak ke hadapan bukan sentiasa teragak-agak menoleh ke belakang,

dan kesedaran tentang betapa pentingnya perubahan serta pembebasan. Sikap serta kesedaran seumpama inilah yang akan menentukan sejarah masa depan bagi bangsa Melayu baru. Orang Melayu mesti berubah sebelum parah.